

**PERCAYA TERHADAP PASANGAN DALAM
HUBUNGAN PERKAHWINAN:
PEMBENTUKAN KONSEP DAN
PEMBINAAN INSTRUMEN**

SURIANTI BINTI LAJUMA



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH PSIKOLOGI**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PERCAYA TERHADAP PASANGAN DALAM HUBUNGAN PERKAHWINAN: PEMBENTUKAN KONSEP DAN PEMBINAAN INSTRUMEN

IJAZAH: DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)

Saya SURIANTI BINTI LAJUMA, Sesi 2012-2018, mengaku membenarkan tesis Doktor ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


SURIANTI LAJUMA
PP12M015T

Disahkan Oleh,
NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 30 Julai 2018


(Prof. Dr. Chua Bee Seok)
Ketua Jawatankuasa Penyelesaian

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 JULAI 2018



.....
Surianti binti Lajuma
PP1211015T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SURIANTI BINTI LAJUMA**

NO. MATRIK : **PP1211015T**

TAJUK : **PERCAYA TERHADAP PASANGAN DALAM HUBUNGAN PERKAHWINAN: PEMBENTUKAN KONSEP DAN PEMBINAAN INSTRUMEN**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)**

TARIKH VIVA VOCE : **14 FEBRUARI 2018**



DISAHKAN OLEH :

KETUA JAWATANKUASA PENYELIAAN

PROF. DR. CHUA BEE SEOK

AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN

CIK AGNIS SOMBULING

DR. MUHAMMAD IDRIS BULLARE @ BAHARI

TANDATANGAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan Izin serta Rahmat dan Kasih SayangNYA, maka dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Selawat dan Salam buat junjungan tercinta Nabi Muhammad SAW Keluarga serta para Sahabat.

Teristimewa buat insan yang sentiasa di sisi Suami tercinta, Shamsuddin Putra Baharun. Anakanda tercomel penyejuk hati, Nur Khadijah Imani kalian penguat semangat, teman ketawa dan menangis.

Titipan khas ingatan buat kedua arwah ayah dan bonda semangat dan ingatan sentiasa dihati, semoga tenang disana. Buat kedua ibu ayah mertua. Terima kasih atas doa , perhatian dan kasih sayang yang diberikan

Buat barisan penyelia yang sangat banyak membantu, Prof. Dr. Chua Bee Seok, Miss Agnis Sombuling dan Dr. Idris Hj. Bahari. Tanpa tunjuk ajar kalian, terkontang katinglah saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih atas perkongsian ilmu yang tidak putus-putus.

Tidak ketinggalan kepada pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Pascasiswazah dan khusus kepada Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan untuk melanjutkan pengajian sampai ke tahap ini.

Buat adik beradik, saudara mara serta rakan-rakan, terima kasih atas sokongan dan kata semangat yang sentiasa diberikan. Jasa kalian akan sentiasa dikenang.

Sekalung terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak. Tidak lupa kepada semua subjek kajian yang sudi turut serta dalam kajian ini tanpa sumbangan kalian, kajian ini pasti tidak mencapai objektifnya.

Semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada golongan sasaran dan dapat menjadi saham akhirat untuk saya.

Amin Ya Allah

Surianti Lajuma
30 Julai 2018

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji bagaimana seseorang individu memberi makna kepada definisi percaya serta faktor percaya terhadap pasangan dalam hubungan perkahwinan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membina instrumen Skala Kepercayaan Pasangan dan menguji serta menilai psikometrik instrumen yang telah dibina. Kajian ini menggunakan reka bentuk *mixed method* jenis *Exploratory Design* iaitu memulakan kajian dengan pendekatan kualitatif yang menggunakan metodologi *Interpretative Phenomenological Analysis* (IPA) pada fasa pertama dan diikuti oleh pendekatan kuantitatif pada fasa kedua. Proses pembinaan instrumen berlaku selepas fasa satu dan sebelum fasa dua. Pada fasa kualitatif, seramai 16 orang telah diambil sebagai subjek kajian dan pengumpulan data adalah melalui temubual secara mendalam. Pada fasa kuantitatif pula, seramai 370 orang subjek kajian terlibat dengan cara menjawab soal selidik yang telah dibina. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah persampelan bertujuan iaitu subjek kajian mestilah mereka yang telah berkahwin dan tempoh perkahwinan adalah kurang daripada 10 tahun. Hasil kajian kualitatif menunjukkan terdapat lima tema utama bagi definisi percaya terhadap pasangan iaitu 1) Kebebasan, 2) Keyakinan, 3) Harapan dan Kebergantungan, 4) Komunilasi, dan 5) Ikatan Sosial. Bagi faktor percaya terhadap pasangan pula berjaya menghasilkan tujuh tema termasuk sub-tema iaitu 1) Semulajadi, 2) Keterbukaan, 3) Rutin Pasangan, 4) Komitmen Dalam Perhubungan, 5) Hubungan Sosial, 6) Peredaran Masa, dan 7) Personaliti Pasangan. Proses pembinaan instrumen dilakukan selepas fasa satu iaitu item instrumen dihasilkan dengan menggunakan dapatan daripada data kualitatif. Hasil kajian kuantitatif pula menunjukkan penilaian psikometrik menggunakan analisis faktor telah menghasilkan instrumen dengan jumlah item sebanyak 34 dengan enam sub-skala. Selain itu, ujian penilaian juga menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi. Diharapkan kajian akan datang boleh menjalankan kajian berkaitan isu percaya terhadap pasangan dengan lebih meluas dan dapat menggunakan instrumen yang telah dibina dalam kajian ini dalam kajian mereka. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan dan implikasi dalam bidang psikologi sosial, individu, pasangan berkahwin, serta institusi yang berkaitan dengannya.

ABSTRACT

TRUST TOWARDS PARTNER IN MARRIAGE RELATIONSHIP: CONCEPT FORMATION AND INSTRUMENTS DEVELOPMENT

This study aimed to study how individuals perceived the meaning or definition of trust and trust factor towards partner in marriage relationship. In addition, this study also intended to develop an instrument Trust Partner Scale and evaluate the psychometric of instrument. This study used a mixed method type exploratory design in which began with a qualitative approach which uses Interpretative Phenomenological Analysis (IPA) as a methodology in the first phase and followed by a quantitative approach in the second phase. Between the phase was the interim phase which is the developing instrument process. In the qualitative approach, 16 participants were taken and the collection of data went through in-depth interviews. While, 370 participants involved in quantitative approach by answering a questionnaire that had been developed. Sampling method was purposive sampling with the criteria of selection participants were those who have been married less than 10 years. The results of the qualitative study showed there were five key themes for the definition of trust, 1) Freedom, 2) Faith, 3) Expectation and Dependence, 4) Communication, and 5) Social Cohesion. For the trust factor, there were seven themes and sub-themes, 1) Nature, 2) Openness, 3) Routine of Partner, 4) Commitment in Relationship, 5) Social Relationship, 6) Passing Time, and 7) Personality of Partner. Developing instrument process was used data from qualitative which is the instrument items develop from the qualitative data. Psychometric evaluation result were using factor analysis with a total 34 items with six sub-scales. In addition, the assessment tests also showed high in validity and reliability of the instrument. Future research is recommended to conduct the similar research related to the issue of trust toward partner in marriage relationship by using the instrument in the present study. The study also expected to contribute in the field of social psychology, individuals, married couples, as well as relevant institutions in general.

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|--|------------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| SENARAI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xi |
| SENARAI LAMPIRAN | xii |
| | |
| BAB 1 : PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 01 |
| 1.1.1 Latar Belakang Kajian | 04 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 09 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 21 |
| 1.4 Objektif Kajian | 21 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 22 |
| 1.6 Skop Kajian | 24 |
| 1.7 Definisi Konsep dan Operasi | 25 |
| 1.7.1 Konsep Percaya | 26 |
| 1.7.2 Pasangan Berkahwin | 28 |
| 1.7.3 Penilaian Psikometrik | 29 |
| 1.8 Kesimpulan | 30 |
| | |
| BAB 2 : SOROTAN LITERATUR | |
| 2.1 Pengenalan | 31 |
| 2.2 Teori Konsep Percaya | 31 |
| 2.2.1 Teori Psikososial dan Pembangunan Manusia | 32 |
| 2.2.2 Teori Pertukaran Sosial | 39 |
| 2.2.3 Teori Perapatan | 42 |
| 2.3 Kerangka Teori | 45 |
| 2.4 Sorotan Kajian Lepas | 46 |
| 2.4.1 Percaya Terhadap Pasangan | 46 |
| 2.4.2 Definisi Konsep Percaya Dalam Perhubungan | 56 |
| 2.4.3 Faktor Percaya Terhadap Pasangan | 61 |
| 2.4.4 Kajian Berkaitan Pembinaan Instrumen Percaya | 75 |
| 2.5 Kesimpulan | 78 |
| | |
| BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 80 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 80 |
| 3.3 Fasa 1: Pendekatan Kualitatif | 84 |
| 3.3.1 Metodologi <i>Interpretative Phenomenological Analysis</i> | 85 |
| 3.3.2 Subjek Kajian Kualitatif | 88 |
| 3.3.3 Lokasi Kajian Kualitatif | 92 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 3.3.4 | Teknik Pengumpulan Data Kualitatif | 92 |
| 3.3.5 | Tatacara Kajian Kualitatif | 97 |
| 3.3.6 | Proses Analisis Data Kualitatif | 99 |
| 3.3.7 | Penilaian Kesahan dan Kualiti Data Kualitatif | 114 |
| 3.4 | Fasa Interim: Proses Pembinaan Instrumen | 123 |
| 3.5 | Fasa 2: Pendekatan Kuantitatif | 123 |
| 3.5.1 | Kaedah Tinjauan | 123 |
| 3.5.2 | Subjek Kajian Kuantitatif | 124 |
| 3.5.3 | Lokasi Kajian Kuantitatif | 127 |
| 3.5.4 | Alat Kajian Kuantitatif | 128 |
| 3.5.5 | Teknik Pengumpulan Data Kuantitatif | 128 |
| 3.5.6 | Tatacara Kajian Kuantitatif | 129 |
| 3.5.7 | Analisis Data Kuantitatif | 129 |
| 3.6 | Kerangka Kajian | 130 |
| 3.7 | Kesimpulan | 131 |

BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN KUALITATIF

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.1 | Pengenalan | 132 |
| 4.2 | Definisi Konsep Percaya Terhadap Pasangan | 132 |
| 4.2.1 | Kebebasan | 133 |
| 4.2.2 | Keyakinan | 135 |
| 4.2.3 | Harapan dan Kebergantungan | 137 |
| 4.2.4 | Komunikasi | 137 |
| 4.2.5 | Ikatan Sosial | 139 |
| 4.3 | Faktor Percaya Terhadap Pasangan | 140 |
| 4.3.1 | Fitrah | 140 |
| 4.3.2 | Keterbukaan | 143 |
| 4.3.3 | Rutin Pasangan | 148 |
| 4.3.4 | Komitmen Dalam Perhubungan | 150 |
| 4.3.5 | Hubungan Sosial | 159 |
| 4.3.6 | Peredaran Masa | 162 |
| 4.3.7 | Personaliti Pasangan | 164 |
| 4.4 | Model Percaya Terhadap Pasangan | 166 |
| 4.5 | Kesimpulan | 168 |

BAB 5 : PEMBINAAN DAN PENILAIAN INSTRUMEN

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 169 |
| 5.2 | Proses Pembinaan Instrumen Skala Kepercayaan Pasangan | 169 |
| 5.2.1 | Menentukan Apa Yang Ingin Diukur | 169 |
| 5.2.2 | Membentuk Item | 170 |
| 5.2.3 | Menentukan Skala Pengukuran Item | 172 |
| 5.2.4 | Semakan Item Oleh Pakar: Pengesahan Kandungan | 173 |
| 5.2.5 | Pertimbangkan Kemasukan Item Yang Telah Disahkan Daripada Instrumen Lain: Pengesahan Konstruk | 174 |
| 5.2.6 | Mentadbir Instrumen Kepada Peserta Kajian | 175 |
| 5.2.7 | Penilaian Psikometrik Item | 176 |
| 5.2.8 | Mengoptimumkan Bilangan Item Instrumen | 176 |
| 5.3 | Hasil Penilaian Psikometrik Skala Kepercayaan Pasangan | 178 |
| 5.3.1 | Analisis Faktor Eksploratori | 178 |
| 5.3.2 | Penilaian Min dan Sisihan Piawai Item | 185 |

| | | |
|-------|----------------------------|-----|
| 5.3.3 | Penilaian Kebolehpercayaan | 190 |
| 5.3.4 | Penilaian Kesahan | 191 |
| 5.3.5 | Analisis Kualiti Item | 192 |
| 5.4 | Kesimpulan | 195 |

BAB 6 : PERBINCANGAN DAN PENUTUP

| | | |
|-------|---|-----|
| 6.1 | Pengenalan | 196 |
| 6.2 | Perbincangan Hasil Kajian | 196 |
| 6.2.1 | Definisi Konsep Percaya Terhadap Pasangan | 196 |
| 6.2.2 | Faktor Percaya Terhadap Pasangan | 203 |
| 6.3 | Ringkasan Kajian | 224 |
| 6.3.1 | Ringkasan Kajian Fasa Satu (Kualitatif) | 225 |
| 6.3.2 | Ringkasan Kajian Fasa Interim (Proses Pembinaan Instrumen) | 226 |
| 6.3.3 | Ringkasan Kajian Fasa Dua (Kuantitatif) | 226 |
| 6.4 | Proses Penyelidikan | 228 |
| 6.5 | Implikasi dan Sumbangan Kajian Dalam Bidang Ilmu | 230 |
| 6.6 | Limitasi Kajian | 233 |
| 6.7 | Saranan/Cadangan Kajian | 233 |
| 6.8 | Penutup | 234 |

| | |
|----------------|------------|
| RUJUKAN | 236 |
|----------------|------------|

| | |
|-----------------|------------|
| LAMPIRAN | 252 |
|-----------------|------------|



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

| | |
|---|-----|
| Rajah 2.1 : Kerangka Teori | 46 |
| Rajah 3.1 : Reka Bentuk <i>Mixed Method</i> | 82 |
| Rajah 3.2 : Prosedur Asas <i>Exploratory Design</i> | 83 |
| Rajah 3.3 : Kerangka Kajian | 131 |
| Rajah 4.1 : Model Percaya Terhadap Pasangan | 167 |
| Rajah 5.1 : Proses Pembinaan Skala Kepercayaan Pasangan | 177 |
| Rajah 6.1 : Proses Penyelidikan | 229 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

MUKA SURAT

| | |
|---|-----|
| Lampiran A : Surat Kebenaran Merekod Temu Bual | 252 |
| Lampiran B : Jadual Temu Bual Mendalam | 253 |
| Lampiran C : Alat Kajian <i>Trust in Close Relationship</i> | 254 |
| Lampiran D : Alat Kajian Skala Kepercayaan Pasangan | 256 |
| Lampiran E : Contoh Transkrip Penuh | 259 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Konsep percaya merupakan satu istilah yang merujuk kepada perspektif sosio-budaya yang dikaitkan dengan satu konsep perhubungan yang membekalkan keselamatan, harmoni, dan kebajikan terhadap individu, pasangan, ahli keluarga dan komuniti secara keseluruhannya. Istilah percaya ini berasal dari *Scandinavian* dan didefinisikan sebagai satu bentuk keyakinan atau kepercayaan terhadap seseorang atau sesuatu perkara. Tahap kepercayaan seseorang individu merupakan faktor yang berpotensi dalam mempengaruhi fungsi sesuatu perhubungan. Percaya telah ditakrifkan sebagai pergantungan tegas mengenai integriti, kebolehan, atau watak seseorang (Morris, 1981). Beberapa kajian lain juga menunjukkan bahawa percaya berkaitan dengan faktor seperti kemesraan, pergantungan, kepercayaan, keselamatan, kebolehpercayaan, dan simbol perhubungan.

Istilah percaya tidak wujud secara individu tetapi terbina dalam perhubungan seseorang individu dengan individu lain. Pada dasarnya, konsep percaya bermula dengan individu yang paling dekat dengan kita seperti ahli keluarga dan pasangan. Seterusnya, percaya terbentuk dalam komuniti apabila seseorang individu mula berinteraksi dengan orang di sekitarnya. Konsep percaya ini sangat penting bagi memastikan perhubungan seseorang dengan orang lain dapat berfungsi dengan baik dan boleh mewujudkan kerjasama. Kenyataan ini diakui oleh McKnight, Cummings dan Chervany (1995) yang menyatakan bahawa sikap percaya dapat menggerakkan tindakan kerjasama antara insan. Penyelidik lain juga telah mendapati bahawa kepercayaan yang tinggi boleh membawa kepada peningkatan tahap komitmen dan keupayaan untuk bergantung kepada orang lain (Weiselquist *et al.*, 1999).

Percaya dikonsepsikan secara tepat sebagai satu proses dalam perhubungan yang khusus (Holmes & Rempel, 1989) seperti persepsi kebolehpercayaan yang memberikan maklumat penting untuk menilai masa depan dalam perhubungan (Rusbult *et al.*, 1999). Percaya adalah sesuatu yang menjadi pilihan seseorang individu untuk perlindungan dirinya (Murray *et al.*, 2011). Kekurangan percaya pula dikaitkan dengan turun naik yang lebih besar dalam kualiti perhubungan (Campbell, Simpson, Boldry, & Rubin, 2010) kerana boleh menjejaskan pembangunan motivasi dalam sesuatu perhubungan (Simpson, 2007). Percaya juga merujuk kepada jangkaan bahawa seseorang individu boleh dinilai pada kelakuan yang baik dan responsif terhadap keperluan pasangan mereka (Holmes & Rempel, 1989).

Percaya menjadi sesuatu yang kritikal dalam isu kualiti perhubungan kerana pasangan saling bergantung sesama sendiri dan kepercayaan berdasarkan kepada keyakinan dan jangkaan bahawa pasangan akan menunjukkan niat dan motivasi yang baik seperti melepaskan kepentingan sendiri dengan meletakkan perhubungan dan pasangan sebagai yang pertama dan utama (Murray & Holmes, 2009). Percaya juga dilihat dapat bertindak sebagai penapis kerana setiap peristiwa yang berlaku dalam perhubungan akan ditafsir dan dinilai (Rempel, Ross, & Holmes, 2001). Percaya akan meningkatkan keselamatan, mengurangkan kekangan dan mempertahankan diri, serta menggalakkan proses timbal balik dalam pendedahan diri (Stinnett & Walters, 1977).

Percaya amat penting dalam semua bentuk perhubungan yang rapat. Saling memberi dan menerima dilihat perlu dalam dialog atau interaksi bagi menyelesaikan konflik, keadaan serta peristiwa negatif yang timbul antara pasangan dan sememangnya situasi seperti ini memerlukan percaya (Boszormenyi-Nagy & Krasner, 1986). Perhubungan dan kerjasama yang wujud hasil daripada percaya adalah sangat penting terutamanya dalam perhubungan antara pasangan. Seseorang yang mempunyai percaya tahap tinggi akan menunjukkan simbol yang positif terhadap satu sama lain dalam perhubungan mereka manakala seseorang yang mempunyai percaya tahap sederhana akan mempamerkan simbol yang kelihatan lebih negatif terhadap pasangan dan perhubungan mereka (Rempel,

Ross, & Holmes, 2001). Maka, konsep percaya dilihat sangat penting dan wajar untuk diberi perhatian dan dikaji dalam sesebuah perhubungan terutamanya terhadap pasangan berkahwin.

Percaya terhadap pasangan merupakan satu perkara yang sangat penting bagi memastikan sesuatu perhubungan itu berfungsi dengan baik (Simpson, 2007). Larzelere dan Huston (1980) mentakrifkan percaya sebagai kepercayaan seseorang terhadap integriti individu lain. Percaya juga mendorong seseorang untuk berkelakuan secara positif terhadap pasangan mereka (Rempel, Holmes, & Zanna, 1985). Sebagai contoh, kajian daripada Campbell, Simpson, Boldry, dan Rubin (2010) mendapati bahawa semasa berlaku konflik dengan pasangan, seseorang yang mempercayai pasangannya akan menunjukkan tingkah laku yang membina seperti mendengar idea pasangan berbanding tingkah laku yang merosakkan seperti menyalahkan pasangan.

Dalam kajian terbaru, Shallcross dan Simpson (2012) menunjukkan bahawa dengan mempercayai pasangan, seseorang lebih cenderung untuk memenuhi permintaan pasangan untuk berkorban berbanding dengan seseorang yang tidak mempercayai pasangan mereka. Penemuan ini jelas menunjukkan bahawa mempercayai seseorang melibatkan tingkah laku yang membina perhubungan walaupun tingkah laku tersebut adalah bertentangan dengan keinginan mereka sendiri iaitu dengan mengutamakan keinginan pasangan dan perhubungan. Seseorang yang mempunyai percaya tahap rendah terhadap pasangan melihat tingkah laku pasangan pada masa hadapan adalah tidak menentu maka mereka cenderung untuk mendapatkan maklumat tentang pasangan mereka untuk mengurangkan ketidakpastian tersebut (Afifi, Dillow, & Morse, 2004). Selain itu, kajian Ickes, Dugosh, Simpson, dan Wilson (2003) juga menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai percaya tahap rendah terhadap pasangan akan lebih bermotivasi untuk memperoleh maklumat daripada pasangan mereka walaupun ianya boleh mengancam perhubungan yang sedia terjalin.

Merentasi konteks dan budaya yang berbeza pula, istilah percaya mempunyai perbezaan yang besar sama ada dari segi konsep atau sempadan kategorikal yang berkaitan dengannya (Hardin, 2002). Setiap individu menggunakan istilah konsep percaya ini dengan cara dan makna yang berbeza. Konsep seperti keyakinan sering digunakan sebagai sinonim untuk percaya (Kee & Knox, 1970) walaupun sebahagian sarjana lain seperti Levin (1998) berhujah bahawa keyakinan dan kepercayaan bukanlah satu konstruk yang setara. Selain itu, terdapat banyak lagi perbincangan antara sarjana yang wujud dalam memberi makna terhadap konsep percaya. Maka, perbezaan yang wujud ini telah mencadangkan kajian eksploratori bagi mengenal pasti bagaimana seseorang itu memahami, mentafsir, dan menggunakan konsep percaya yang fokus kepada percaya terhadap pasangandalam hubungan perkahwinan. Konsep ini harus diterokai dan difahami secara menyeluruh bagi membantu setiap pasangan untuk mengesan titik persefahaman dan perbezaan dalam perhubungan perkahwinan yang dilihat semakin mencabar pada masakini.

1.1.1 Latar Belakang Kajian

Beberapa penulisan dan kajian ada menyatakan bahawa percaya merupakan suatu perantara, suasana, pelincir, gam sosial, dan sesuatu yang baik untuk satu masyarakat, seseorang individu atau suatu perkara. Percaya adalah suatu pilihan dan juga merupakan suatu bahagian yang aktif dalam kehidupan kita. Namun begitu, percaya bukanlah sesuatu yang telah sedia ada berada dalam diri seseorang individu dan bukan juga sesuatu yang boleh diambil mudah kerana percaya melibatkan kemahiran serta komitmen dan bukan hanya sekadar bergantung kepada nasib atau persefahaman antara pihak yang terlibat. Sememangnya, percaya merupakan suatu tindakan yang kita semua fikir bahawa kita tahu bagaimana untuk melakukannya secara semulajadi namun secara hakikatnya, tindakan untuk mempercayai seseorang adalah sama seperti kasih sayang yang perlu diajar dan dipelajari (Solomon & Flores, 2001). Fokus dalam percaya adalah mengharapkan hasil daripada sesuatu perkara, peristiwa atau transaksi antara diri sendiri dengan pihak lain.

Seorang ahli sosiologi Jerman, Niklas Luhmann (1980) menekankan bahawa percaya adalah satu cara untuk berurusan dengan kerumitan dalam masyarakat yang semakin kompleks. Percaya merupakan satu bentuk kemahiran emosi, bersifat berterusan dan menjadi satu aspek yang dinamik dalam perhubungan dengan orang lain. Kita tidak akan terus mempercayai seseorang tetapi kita membuat keputusan untuk mempercayai orang di sekeliling kita. Tidak semua sifat mempercayai merupakan sesuatu perkara yang baik kerana mempercayai tanpa alasan boleh menjadikan seseorang itu kurang bijak, naif, mudah tertipu, dan buta hati. Maka, isu berkaitan kepercayaan sepatutnya tidak diambil mudah. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya isu berkaitan percaya ini diberikan perhatian dan semakan yang radikal dan terperinci. Kajian ini secara ringkasnya adalah untuk menunjukkan bahawa mempercayai seseorang adalah sesuatu yang kita sendiri mesti lakukan kerana orang lain tidak boleh melakukannya bagi pihak kita.

Kita tidak dilahirkan ke dunia ini secara bersendirian dan kebanyakan kita juga jarang melakukan sesuatu perkara secara bersendirian. Kehidupan manusia terdiri daripada persahabatan, perkongsian, perkahwinan, persatuan, organisasi, institusi, dan kenalan. Setiap perkara yang melibatkan kehidupan yang meninggalkan kepentingan perhubungan sesama manusia adalah sesuatu yang menyedihkan dan tidak realistik kerana kesemua jenis perhubungan memerlukan sesuatu yang dipanggil sebagai percaya (Baier, 1985). Percaya bukan sahaja membolehkan kita mengurangkan kerumitan dalam kehidupan, tetapi juga mengubah hidup kita dengan cara yang dramatik. Percaya membolehkan seseorang untuk meneroka sesuatu perkara yang baru dan cuba untuk melibatkan diri dalam perhubungan dengan orang lain. Hubungan perkahwinan atau apa sahaja bentuk perhubungan memerlukan penelitian dan kewaspadaan mengenai kepercayaan antara satu sama lain sebagai sesuatu yang paling perlu diambil perhatian.

Terdapat beberapa kajian terdahulu tentang kesan perbezaan dalam kemampuan seseorang individu untuk mempercayai pasangan mereka terutamanya dalam hubungan perkahwinan. Terdapat banyak punca yang boleh menjejaskan keupayaan seseorang untuk mempercayai orang lain yang berada di sekitarnya.

Mempunyai rasa selamat dan sokongan daripada pasangan dilihat dapat meningkatkan tahap kepercayaan seseorang yang mengalami masalah dalam perhubungan. Namun, apabila seseorang menjadi tidak pasti mengenai perhubungan mereka dengan pasangan akan menyumbang kepada kurangnya kepercayaan, keselamatan dan kedekatan diri terhadap pasangan. Perasaan tidak menentu wujud apabila seseorang mempersoalkan sama ada pasangan mereka boleh memenuhi setiap keperluan mereka atau boleh dianggap sebagai membalas sokongan yang telah diberikan dalam perhubungan (Sorrentino *et al.*, 1995)

Setiap pasangan akan menghabiskan masa bersama, menyatakan setiap kerisauan mereka terhadap pasangan tentang bagaimana mereka akan saling berfungsi dalam dunia sebenar serta cuba untuk membina pelbagai resolusi bagi memahami dan mempercayai antara satu sama lain pada masa akan datang. Segalanya ini dilakukan semata-mata sebagai satu usaha untuk menjaga dan mempertahankan perhubungan yang telah terjalin. Bagi memahami konsep percaya, setiap individu harus mampu untuk membina kepercayaan dalam setiap amalan seharian dan juga dalam perhubungan mereka dengan pasangan.

Keperluan interpersonal, interaksi dan keperluan emosi dapat dipenuhi hanya dengan melalui interaksi antara pasangan (Knapp, 1978). Keperluan emosi dan interaksi yang tidak dipenuhi akan menjadi asas kepada pergolakan perkahwinan, kualiti perkahwinan terjejas, dan juga wujudnya penderitaan dalam perkahwinan (Bentler & Newcomb, 1978). Masalah utama untuk mempercayai seseorang mungkin disebabkan oleh perbezaan kefahaman. Maka, kesefahaman antara pasangan hanya akan diperolehi dan mempunyai makna sekiranya setiap amalan yang dilakukan, rutin seharian dan cara hidup dapat dikongsi bersama.

Statistik terkini daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia juga menunjukkan bahawa bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun 2016, punca utama kepada perceraian dalam kalangan pasangan berkahwin di Malaysia adalah disebabkan tiada persefahaman iaitu sebanyak 56.2 peratus. Maka, dapat disimpulkan bahawa persefahaman antara pasangan sangat memainkan peranan

dalam institusi perkahwinan dan persefahaman dalam perhubungan ini hanya akan dapat dicapai jika seseorang secara terbuka dapat berkongsi segala perkara dengan pasangan mereka yang juga didasari oleh kepercayaan terhadap pasangan.

Kesediaan pasangan untuk melepaskan kepentingan diri sendiri dalam perhubungan dengan bertindak balas terhadap keperluan pasangannya adalah suatu matlamat yang sangat bernilai dalam suatu hubungan perkahwinan (Kelley, 1979). Kepercayaan dilihat berpotensi sebagai penyumbang utama kepada pemahaman terhadap kepuasan dan perkongsian antara pasangan dalam hubungan perkahwinan. Konsep percaya sering dikaitkan dengan kasih sayang dan komitmen yang juga menjadi asas kepada satu perhubungan yang ideal (Hendrick & Hendrick, 1983). Percaya bukan sahaja menjadi asas kepada hubungan yang sihat sebaliknya kekurangan kepercayaan boleh menyebabkan penurunan atau terlerainya ikatan dalam sesuatu perhubungan (Lewicki & Bunker, 1995).

Percaya terhadap pasangan dalam hubungan perkahwinan adalah berdasarkan kepada kebolehamalan, kebergantungan, dan keyakinan (Rempel, Holmes, & Zanna, 1985). Tingkah laku kebolehamalan dicirikan oleh keseragaman dan kestabilan tingkah laku yang berulang. Kebergantungan pula bermakna bahawa pasangan yang boleh diharapkan apabila risiko dan sesuatu yang buruk berlaku dalam perhubungan manakala keyakinan adalah kepercayaan bahawa berdasarkan kepada pengalaman yang lepas, pasangan yang prihatin akan sentiasa peka dan mengambil berat terhadap pasangannya pada masa hadapan (Rempel, Holmes, & Zanna, 1985).

Kajian terhadap kualiti perkahwinan (Margolin, *et. al.*, 1983) melibatkan tiga dimensi utama iaitu 1) Penyelenggaraan sistem yang melibatkan faktor penting atau sosial-ekonomi seperti peraturan, kewangan, membuat keputusan, rekreasi, aktiviti sosial, keibubapaan dan pengurusan keluarga, 2) Faktor kasih sayang dan perhubungan seperti kepentingan bersama, persetujuan, kasih sayang, dan hubungan seks dan 3) Faktor yang unik bagi setiap pasangan seperti kepercayaan, nilai, kecekapan, psikologi dan fisiologi. Dapatan kajian daripada Margolin (1983)

menunjukkan bahawa percaya sememangnya memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti perkahwinan.

Terkini, penyelidikan dalam bidang kepercayaan yang berkaitan dengan perhubungan dengan orang lain telah memberi tumpuan kepada hubungan yang lebih khusus, rapat dan intim seperti hubungan percintaan dan hubungan yang lebih komited seperti hubungan perkahwinan. Maka, pengkaji juga tidak terkecuali untuk turut serta bagi mengkaji dan meneroka isu yang menarik dan penting ini. Peningkatan yang drastik dalam kadar perceraian di negara kita sedikit sebanyak telah mendorong pengkaji untuk menumpukan perhatian kepada usaha mendapatkan jawapan kepada persoalan penting mengenai pembentukan dan penyelenggaraan kepercayaan terhadap pasangan dalam perhubungan yang rapat seperti hubungan perkahwinan.

Bahagian penting dalam pembangunan kajian yang berkaitan dengan percaya adalah pembinaan instrumen baru untuk mengukur percaya. Antara instrumen pengukuran percaya yang masih wujud dan digunakan sehingga ke hari ini adalah skala yang telah dibangunkan oleh Rotter (1967) dan Wrightsman (1974). Kewujudan instrumen tersebut dilihat dapat menangani kekurangan instrumen yang mengukur percaya. Namun, didapati bahawa instrumen tersebut tidak mencukupi untuk meramalkan tingkah laku dalam konteks hubungan yang rapat. Maka, Larzelere dan Huston(1980) telah membina instrumen sendiri dan diikuti pula oleh skala percaya yang dibangunkan oleh Holmes dan Rempel (1989). Namun, instrumen yang dibentuk telah lama dan mungkin telah tidak sesuai dengan perubahan zaman kini. Justeru, ia telah memberi idea dan intiatif kepada pengkaji untuk membina instrumen yang mengukur percaya terhadap pasangan. Instrumen yang dibina mengikut konteks serta norma tempatan ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak terlibat dalam pengukuran kepercayaan antara pasangan dan dapat digunakan oleh pengkaji tempatan lain dalam mengkaji bidang yang berkenaan.

1.2 Permasalahan Kajian

Sejauh manakah kita boleh mempercayai antara satu sama lain? Dunia ini semakin mengecil manakala dunia individu pula semakin berkembang. Percaya merupakan suatu ramuan yang banyak digunakan dalam aktiviti kemasyarakatan. Percaya adalah aspek penting untuk semua bentuk hubungan dan interaksi. Fukuyama (1996) menegaskan bahawa percaya adalah tunjang utama dan penting untuk membina masyarakat yang berkesan. Tambahan pula, percaya diumpamakan sebagai gam yang mampu memegang sesuatu secara bersama dan juga sebagai pelincir yang mengurangkan geseran dan memudahkan kelancaran operasi (Tschannen-Moran & Hoy, 2000). Umumnya, masyarakat hari ini bergantung kepada individu yang boleh dipercayai bagi membolehkan wujudnya kestabilan dan sebaliknya, situasi yang tidak wujud rasa percaya pastinya akan menjejaskan kebanyakan proses kehidupan.

Secara umumnya, percaya merupakan perkara penting dalam interaksi sosial (Keyton & Smith, 2009). Walau bagaimanapun, sama seperti hubungan yang sentiasa berubah mengikut masa dan situasi, maka begitu juga dengan percaya. Secara ringkasnya, situasi sosial, hubungan, dan sikap memberi kesan kepada tahap kepercayaan seseorang terhadap orang lain. Tidak kira berapa banyak masa yang diperlukan untuk membina kepercayaan, namun rasa percaya tetap kekal sebagai satu konsep yang rapuh dan boleh hilang dengan hanya sekali pengkhianatan atau pelanggaran (Lewicki & Butler, 1995). Sesungguhnya, percaya bersifat turun naik mengikut perubahan dalam sesuatu perhubungan (Birney & Smith, 2005). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas, teori serta model yang dapat menyediakan asas bagi membantu pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai konsep percaya ini.

Konsep percaya merupakan satu keyakinan bahawa seseorang akan mencari apa yang diinginkan daripada orang lain dan bukan apa yang ditakuti (Deutsch, 1973). Percaya melibatkan harapan dan aspirasi yang saling bertindih dengan kebimbangan dan ketakutan yang mendalam. Percaya juga menjadi bahan yang paling penting untuk pembangunan dan penyelenggaraan bagi emosi gembira

dan memastikan hubungan dapat berfungsi dengan baik. Beberapa teori utama termasuk Teori Perapatan (Bowlby, 1969) dan Teori Pembangunan Psikososial Erikson (1963) yang dibina atas kenyataan bahawa tahap kepercayaan yang tinggi dalam perhubungan awal kehidupan manusia meletakkan asas psikologi untuk lebih bahagia pada perhubungan di peringkat kehidupan yang seterusnya. Tooby dan Cosmides (1996) menyatakan bahawa mekanisme pelepasan dan pengesanan percaya sepatutnya berkembang pada diri manusia memandangkan kepentingan dalam mengukur dengan tepatakan niat orang lain.

Sangat mudah bagi kita untuk membicarakan isu berkaitan konsep percaya dalam kehidupan seharian. Namun tanpa kita sedari, secara umumnya belum terdapat definisi yang boleh dianggap sebagai tepat dalam kalangan penyelidik berkaitan dengan konsep percaya. Istilah percaya digunakan untuk merujuk kepada perkara yang berbeza dari sudut pandang penyelidik yang berbeza. Natijahnya, timbul pelbagai bentuk definisi percaya dalam kajian terdahulu yang hanya sesuai dalam situasi tertentu dan tertumpu kepada agenda kajian mereka sahaja (Bigley & Pearce, 1998). Walaupun kewujudan definisi percaya sering bertindih pada kepelbagaian konstruk (Rousseau *et al.*, 1998), namun masih belum terdapat maklumat yang menunjukkan takrifkan percaya yang merentasi semua situasi (Bigley & Pearce, 1998). Kekurangan penyatuan dan definisi yang lengkap berkenaan dengan definisi konsep percaya menimbulkan kekeliruan kepada umum berkaitan dengan persoalan tentang apakah yang dimaksudkan oleh seseorang apabila dia menyatakan bahawa 'saya percaya kepada dia'.

Sebagai permulaan, percaya adalah bersifat kompleks dan mempunyai konstruk pelbagai dimensi sehingga sukar untuk dikendalikan, diukur, dan ditafsirkan. Kedua, percaya boleh ditafsirkan dengan cara yang berbeza dan mempunyai kepentingan yang juga berbeza pada pelbagai peringkat pembangunan perhubungan. Ketiga, percaya muncul dan berubah mengikut keadaan yang sukar untuk diperhatikan dan dikaji seperti dalam situasi ujian ketegangan oleh Holmes (1981). Dalam situasi ujian ketegangan, seseorang individu sangat bergantung kepada pasangan masing-masing tetapi tindakan tersebut kelihatan seperti

mengalakkan kepentingan individu berbanding dengan memberi manfaat terhadap pasangan. Sebagai contoh, seorang suami sangat memerlukan bantuan isterinya untuk melakukan suatu tugas yang penting dan isteri dengan rela membantu walaupun pada hakikatnya berbuat demikian adalah bertentangan dengan apa yang disukai oleh isterinya. Dalam situasi seperti ini, isteri dianggap telah lulus ujian ketegangan dan dengan itu suami akan terus mempercayai isterinya untuk perkara atau tugas lain pada masa akan datang.

Sewajarnya, tumpuan untuk mengkaji konsep percaya adalah dengan memberikan takrifan terhadap konsep percaya itu sendiri. Melalui pembacaan kajian lepas membuatkan kita kagum dengan susunan kata yang berbeza bagi menentukan atau memberi makna kepada konsep percaya (Petra Schmitz, 1999). Lazelere dan Huston (1980) menyatakan bahawa percaya secara umumnya ditakrifkan sebagai kepercayaan oleh seseorang terhadap integriti individu lain. Kewujudan percaya dilihat sangat penting dalam evolusi perhubungan yang sihat. Dalam erti kata umum, percaya sememangnya dikehendaki sebagai pelaburan awal dalam suatu perhubungan sebelum seseorang boleh mengambil langkah seterusnya ke arah mempercayai (Broszormenyi-Nagy & Krasner, 1980). Maka, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti apakah definisi bagi konsep percaya terhadap pasangan dalam hubungan perkahwinan dengan memberi tumpuan terhadap konteks tempatan di Malaysia sekaligus boleh membuktikan serta menjawab permasalahan berkaitan isu ini.

Para pengkaji terdahulu mengakui bahawa konsep percaya merupakan satu konsep yang sangat kompleks dan pelbagai. Walau bagaimanapun, beberapa kesukaran dalam mengkaji dinamika penting dan kompleks ini telah mencerminkan perbezaan pendapat tentang apakah yang dimaksudkan dengan konsep percaya. Kesungguhan untuk mempersetujui makna percaya adalah penting bagi mengkaji dan menentukan operasinya yang panjang dan sukar. Percanggahan pendapat mengenai definisi percaya telah didokumentasikan secara meluas. Namun, terdapat juga beberapa persetujuan dalam kalangan para penyelidik mengenai faktor yang telah memberikan penilaian asas kepada definisi percaya yang berbeza.

Terdapat banyak definisi yang telah digunakan untuk menjelaskan makna bagi konsep percaya. Ini telah menyebabkan ketidakselarasan terma dan pemboleh ubah membuatkan konsep percaya mengelirukan dan juga menjadi penghalang kepada para penyelidik dalam menjalankan kajian berkaitan konsep percaya. Oleh itu, adalah penting untuk memberikan istilah yang lebih mudah difahami dan dipersetujui berkaitan dengan definisi konsep percaya dalam kajian ini di mana konstruk atau tema yang wujud boleh difahami dengan lebih mudah. Walaupun terdapat beberapa teori besar seperti daripada Holmes & Rempel (1989) dan penyelidikan daripada Mikulincer (1998) dan Rempel, Holmes, & Zanna (1985) mengenai isu percaya, namun hanya sedikit sahaja yang diketahui tentang bagaimana dan mengapa percaya itu boleh terbentuk, dikekalkan, dan berubah apabila dikhianati menyebabkan kajian terhadap isu ini hanya sedikit dan terhad.

Komuniti sains sosial telah mula mengakui hakikat bahawa percaya merupakan salah satu dimensi yang paling penting dalam interaksi sosial (Wubberhorst, Gradford & Willis, 1971) tetapi sehingga kini pendekatan multidimensi bagi kajian berkaitan percaya masih menerima perhatian yang terhad. Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa konstruk konsep percaya mengandungi dimensi yang unik dan menjadi faktor penyumbang kepada kesan pemboleh ubah selari (Hunt, Kohn & Mallozzi, 1983). Walaupun terdapat bukti yang semakin meningkat dan berbeza, kebanyakan maklumat daripada kajian lepas terus membincangkan konsep percaya sebagai satu konstruk yang bersifat unidimensi yang pada dasarnya adalah sama dalam semua konteks. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian bersepadu berkaitan dengan konsep percaya terhadap pasangan sebagai satu komponen penting dalam perhubungan perkahwinan adalah satu pilihan yang tepat untuk dijalankan.

Rempel, Ross dan Holmes (2001) juga meneliti kenyataan bahawa pasangan berkomunikasi antara satu sama lain sebagai salah satu daripada fungsi percaya. Mereka mendapati bahawa jika kejujuran pasangan tidak diberikan perhatian sewajarnya, maka akan menyebabkan kepercayaan seseorang boleh berkurang. Percaya dilihat sebagai satu aspek yang penting dalam perhubungan